

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.01/32.1/193/31/1

Tarikh : 28 Februari 2009



Pengarah Eksekutif,
Institut Percukaian Malaysia (MIT),
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA)
Dewan Akauntan No. 2
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields
50470 Kuala Lumpur


Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
15, Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
Pejabat Sekretariat MATA
15-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati
53100 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
No. 23A, 1st Floor
Jalan SS24/11, Taman Megah
47301 Petaling Jaya, Selangor

Presiden
Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam



Tuan,

**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN
AKAUNTAN DESIRE – BIL. 5/2008**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas..

2. Bersama ini dikemukakan Minit Mesyuarat *Working Group* LHDNM Dengan Persatuan Akauntan Desire – Bil. 5/2008 yang telah diadakan pada 15 Disember 2008.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(PUTEH MARIAH BT. HARUN)

Pengarah

Bahagian Operasi

Jabatan Pengurusan Hasil

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN
DESIRE - BIL. 5/2008**

Tarikh: 15 Disember 2008 (Isnin)
Masa: 9.30 pagi
Tempat: Bilik Mesyuarat Gemilang
Tingkat 13, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta,
Kuala Lumpur

Kehadiran:

1.	Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd. Shukor Bin Hj. Mahfar	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) (Pengerusi)
2	Encik Sabin @ Sapilin Bin Samitah	Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan
3.	Encik Mohammad Sait Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil
4.	Puan Mariam Mohd	Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
5.	Cik Puteh Mariah Bt. Harun	Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil
6.	Encik Mohammed Noor Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Pemprosesan
7.	Encik Sani Bin Mohd Taib	Pengarah e-Services Jabatan Teknologi Maklumat
8.	Puan Suria Maimun Bt. Mat Jais	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Duti Setem Jabatan Pengurusan Hasil
9.	Encik Mohamad Zain Bin Mohamad Said	Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pematuhan
10.	Puan Aminah Bt. Abd Malek	Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil

11.	En. Ahmad Imran Bin Zamzam	Pegawai Khas Ketua Pegawai Eksekutif
12.	Encik Md Seniman Bin Selamat	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil (Urus setia)
13.	Puan Ooi Chooi Peng	Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil (Urus setia)
Wakil Persatuan Akauntan		
14.	Dr. Veerinderjeet Singh	Malaysian Institute of Taxation (MIT)
15.	En. Trevor Keegan	EA-Link System
16.	Encik Khoo Chin Guan	MIT
17.	Encik Lai Soon Ean	MIT
18.	Encik Christopher Lim	MIT
19.	Encik Lim Kok Seng	MIT
20.	Y. Bhg. Dato' Raymond Liew Lee Leong	Malaysian Institute of Accountants (MIA)
21.	Puan Heather Khoo	MIA
22.	Cik Cheong Li Wei	MIA
23.	En. Beh Tok Koay	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) & MIA
24.	Pn. Tong Siew Choo	MICPA
25.	Pn. Melissa Yeoh	MICPA
26.	Encik Peter Lim Thiam Kee	Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administrators (MAICSA)
27.	Cik Ruhayu Bt. Mutilab	MAICSA

28.	Encik Lau Haw Chong	Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
29.	Encik Kok Lee Wing	MACS

1. PENDAHULUAN

Y. Bhg. Dato' Pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat. Beliau meminta maaf kerana mesyuarat ini yang sepatutnya ditempatkan di Blok 11 terpaksa dipindahkan ke Blok 9 atas masalah gangguan bekalan elektrik yang berlaku di sayap kiri Blok 11.

2. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Perbincangan Berdasarkan Minit Bil. 4/2008 dan isu berbangkit daripada MIA, MIT dan MICPA

2.1 Isu 1. Preparatory Plan for Year of Assessment 2008 (dated 5 September 2008)

2.1.1 (i) e-Filing for Taxpayers

In view that Y Bhg Dato' Hasmah had mentioned that there will be no fillable PDF Form with effect from year of assessment (YA) 2008 onward, the IRB schedule to complete and launch YA 2008 e-filing for taxpayers only on 1 March 2009 is TOO LATE. The Institutes have commented in the previous meeting that the launching of e-filing programme on 1 March 2009 was too late and the comment was not minuted.

The Institutes have originally proposed a launch date of 1 December 2008. According to IRB's timetable, the e-filing would only be available for testing on 1 December 2008. The Institutes would insist that the e-Filing system must be launched much earlier this year and would propose that the e-training environment be ready by 20 December 2008 and e-Production environment be launched on 15 January 2009. This is to spread out the e-filing workload and prevent potential confusion or hickups. The IRB must also ensure that proper Change Management Process controls are in place.

LHDNM

Mengikut catatan minit mesyuarat Bil. 4/2008:

Perkara 2.1.1 telah dicatat bahawa persatuan akauntan meminta supaya e-latihan bagi e-Filing disediakan lebih awal dan tarikh pelancaran e-Filing dipercepatkan.

Perkara 2.1.3:

"Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa tarikh pelancaran e-Filing juga tidak dapat dipercepatkan kerana LHDNM terikat dengan janji pembayaran balik dalam satu bulan. Tambahan pula LHDNM perlu membuat pindaan dan memperbaiki sistem yang ada untuk memastikan tiada kesilapan yang akan berlaku selepas pelancaran kepada semua pembayar cukai. LHDNM telah belajar dari pengalaman tahun-tahun lepas di mana seolah-olah menggunakan pengguna sistem e-Filing sebagai tempat ujian sistem. Walau bagaimanapun, LHDNM akan cuba mempercepatkan tarikh e-latihan dan juga tarikh pelancaran e-Filing jika boleh."

- 2.1.2 Wakil persatuan akauntan memaklumkan bahawa harapan mereka dengan penubuhan Desire ini agar tarikh pelancaran e-filing dapat dipercepatkan. Sekiranya tarikh pelancaran masih 1 Mac 2009 bermakna tiada apa-apa kemajuan berbanding dengan tahun lepas. Objektif pihak persatuan adalah sistem penyampaian dapat diperbaiki, membolehkan semua perkara berjalan lancar dan membenarkan e-Filing seawal yang mungkin bagi mereka yang dapat berbuat demikian. Persatuan Akauntan bersetuju kebanyakan pembayar cukai akan menunggu hingga saat-saat terakhir untuk menghantar borang manual ataupun e-Filing. Persatuan akauntan berusaha untuk mendidik pelanggannya supaya membekalkan maklumat yang diperlukan kepada ejen cukai agar e-Filing boleh dibuat seawal yang mungkin.

- 2.1.3 LHDNM memaklumkan bahawa modul e-Filing terbahagi kepada:

2.1.3.1 Modul individu
Tiada masalah.

2.1.3.2 Modul TAeF
Atas permintaan ejen cukai, modul TAeF akan dipinda untuk membolehkan seorang ejen cukai mendaftar lebih daripada satu firma ejen cukai.

- 2.1.4 Tarikh pelancaran e-Filing dirancang seperti berikut:

2.1.4.1 15 Jan 2009 untuk e-Filing individu

2.1.4.2 1 Mac 2009 untuk TAeF.

Walaupun bagaimanapun, pembayar cukai akan dimaklumkan melalui laman web bahawa bayaran balik akan diproses mulai 1 Mac 2009. Talian e-Latihan akan dibuka pada 22 Disember 2009. Ujian prestasi sistem talian e-Filing akan dimulakan dengan pegawai LHDNM.

- 2.1.5 Y. Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa '*batch processing*' seperti yang diminta tidak dapat dilaksanakan pada masa ini.
- 2.1.6 Pengarah JPH memaklumkan bahawa tujuan mengadakan *Working Group Desire* ini ialah untuk memudahkan semua pihak dan melancarkan proses tetapi tidak semestinya mempercepatkan semua proses. Beliau berpendapat bahawa persatuan akauntan mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat e-filing iaitu tempoh 2 bulan dari tarikh pelancaran 1 Mac 2009. Persatuan akauntan sepatutnya membuat persediaan/persiapan yang sewajarnya dahulu dalam bulan Januari dan Februari dan bukannya terus membuat e-file tanpa penyediaan akaun dan sebagainya.
- 2.1.7 Wakil persatuan akauntan berpendapat bahawa sekiranya talian e-Latihan boleh dibuka pada 22 Disember 2008, sebarang kesilapan sepatutnya dapat diatasi dalam tempoh masa satu bulan. Beliau berpendapat tidak perlu menunggu sehingga 1 Mac 2009 sekiranya sistem telah siap dibangunkan.
- 2.1.8 Y. Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan daripada pengalaman lepas, LHDNM akan menghadapi masalah aduan atas kelewatan pemprosesan pembayaran balik terutama daripada pembayar cukai yang telah bersara. Oleh itu LHDNM dalam pertimbangan untuk mempercepatkan tarikh pelancaran e-Filing individu yang meletakkan syarat pemprosesan hanya akan bermula 1 Mac 2009.
- 2.1.9 Pengarah JTM memaklumkan bahawa sistem e-Filing perlu dipinda setiap tahun selaras dengan pindaan akta. Di samping itu juga penambahbaikan dibuat supaya sistem lebih mudah digunakan. Sebagai contoh, Helaian Kerja HK-3 yang akan dimasukkan dalam sistem e-Filing kali ini memerlukan perubahan besar ke atas sistem. Pembayar cukai hanya dikehendaki menyenaraikan dividen yang diterima dalam HK-3 tetapi tidak perlu menghantar baucar dividen kecuali jika diminta semasa audit. Ini adalah ke arah memudahkan proses.
- 2.1.10 En. Keegan mendakwa bahawa mesyuarat *IT Subworking Group* tidak diadakan kebelakangan ini dan mereka tidak mengetahui perkembangan pembangunan sistem e-Filing tahun ini dan juga tiada idea berkenaan perubahan yang perlu dibuat dalam tempoh masa yang singkat berbanding dengan kelonggaran masa yang ada pada LHDNM.
- 2.1.11 Pengarah e-Services memberitahu semasa mesyuarat pada 6 Ogos 2008, penyedia perisian meminta '*batch processing*' yang mana telah diputuskan tidak dapat dilaksanakan tahun ini. Walau bagaimanapun, sistem e-Filing membenarkan integrasi sistem perisian percukaian berkomputer kepada sistem e-Filing LHDNM yang mana telah berjaya dilaksanakan oleh banyak penyedia perisian sebelum ini.

- 2.1.12 Pengarah JPH menyarankan agar wujudnya kerjasama di antara pihak penyedia perisian dan Jabatan Teknologi Maklumat supaya sentiasa berhubung di antara satu sama lain untuk mengetahui perkembangan terkini.
- 2.1.13 Pengarah JTM menjelaskan bahawa pihak JTM tidak dapat memaklumkan kepada penyedia perisian kesemua perubahan dari semasa ke semasa kerana LHDNM sentiasa membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan semasa proses UAT dijalankan. Sekiranya LHDNM berbuat sedemikian, penyedia perisian perlu turut membuat pengubahsuaian setiap kali LHDNM membuat perubahan.
- 2.1.14 En. Keegan memberitahu bahawa mereka terjerat di antara LHDNM dan ejen cukai. Beliau tidak dapat membuat perancangan, pembangunan sistem, mahupun berkomunikasi dengan pelanggannya termasuk pembayar cukai berkenaan persoalan e-Filing buat masa ini.
- 2.1.15 Dr. Veerinderjeet memberi perspektif yang objektif berkenaan isu e-Filing tahun ini. Beliau berpendapat bahawa pihak penyedia perisian sepatutnya bersyukur kerana LHDNM telah cuba mempercepatkan proses tahun ini. Berbanding dengan pihak penyedia perisian, ejen cukai perlu membuat banyak perkara dari segi peruntukan undang-undang dan juga perubahan baru modul TAeF. Penyedia perisian sepatutnya faham bahawa LHDNM perlu menjalankan pelbagai ujian dan memperkemas kini sistem yang ada sebelum dapat kemukakan kepada pihak luar. Selain itu, terdapat beberapa isu teknikal yang belum diwartakan lagi walaupun telah diumumkan semasa bajet. Dr. Veerinderjeet menyarankan agar penyedia perisian mengemas kini sistem perisian berkomputer sendiri selepas pembukaan talian e-Latihan pada 22 Disember tahun ini yang mana adalah lebih cepat berbanding tahun lepas. Adalah diharap sistem penyampaian dapat diperbaiki lagi tahun depan tetapi adalah tertakluk kepada pindaan bajet dan juga tarikh bajet.
- 2.1.16 Y. Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan berkenaan evolusi e-Filing semenjak diperkenalkan dalam tahun 2005 yang mana telah melalui beberapa perubahan sehingga kini ekoran dari maklum balas yang diterima daripada pengguna dan pembayar cukai. LHDNM akan cuba meminimumkan masalah yang timbul dan persatuan akauntan serta penyedia perisian digalakkan untuk berkomunikasi dengan LHDNM untuk memberi maklum balas.

2.2 Isu 1. (ii) TAeF

Based on IRB proposed plan, e-training environment for e-filing will be ready by 1 December 2008. Will the training environment be ready on time? Has the IRB communicated with the service providers on the developments much earlier? The

service providers will need time to develop and adjust their software so that the tax agents can use the software to test on 1 December 2008.

With reference to the Work Group Structure of the TAeF, it has been agreed in the previous meeting that the IRB will change the current structure. The Institutes would like to enquire how the new structure looks like and when can the tax agents be allowed to test the new structure?

LHDNM

Mesyyarat dimaklumkan bahawa talian e-Latihan tidak dapat dibuka pada 1 Disember 2008 tetapi akan dibuka pada 22 Disember 2008. Pakej e-Latihan telah hampir siap sekarang cuma memerlukan sedikit pindaan dan penambahbaikan. UAT dalaman telah dijalankan sekali sebelum ini. e-Latihan pada 22 Disember ini adalah yang telah lengkap termasuk e-Filing individu dan ejen cukai. Salah satu pertukaran struktur semasa adalah satu lesen ejen cukai boleh mewakili banyak firma. Diharap tiada pertukaran lagi pada tahun depan.

2.3 Isu 2. Backlod Cases

2.3.1 (i) Cessation on e-filing for 2007

In the last meeting, we were informed that the IRB will keep the e-filing for at least two (2) years. However, we note that the IRB has issued a press release on 10 October 2008 notifying that the e-Filing system for Form e-B 2007, e-BE 2007, e-M 2007, e-P 2007, e-E 2007, e-C 2007 and e-R 2007 will cease operation permanently from 31 October 2008. The Institutes would like to know why there is a change. The Institutes hope that in future, there will be no withdrawal of what have been agreed in the meeting by IRB without prior consultation with the professional bodies.

LHDNM

Mesyyarat dimaklumkan bahawa 'the spirit of e-Filing' adalah untuk kes Sistem Taksir Sendiri iaitu bagi sesiapa yang membuat e-Filing pada atau sebelum tarikh pengemukaan. Jika borang diterima selepas tarikh ditetapkan, taksiran formal akan dibuat.

Mesyyarat juga dimaklumkan bahawa dalam mesyyarat yang lepas, LHDNM cuma mengatakan akan cuba mengekalkan e-Filing untuk 2 tahun tetapi terpaksa ditutup kerana terdapat perubahan struktur sistem.

- 2.3.2 Dr. Veerinderjeet menyuarakan sepatutnya persatuan akauntan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum kenyataan media dikeluarkan dengan mengatakan alasan e-Filing ditutup supaya mereka dapat menyalurkan maklumat ini kepada ahli persatuan. Beliau menyarankan supaya bekalan borang kosong ada di semua cawangan sekiranya e-Filing ditutup selepas tarikh pengemukaan. Beliau memberitahu terdapat kes di mana ejen cukai meminta borang manual dari Cawangan Johor

Bahru tetapi diberitahu tiada borang manual dan diminta menggunakan borang elektronik yang mana telah dikeluarkan dari laman web LHDNM.

2.3.3 Pengarah JPH memaklumkan bahawa keadaan ini sepatutnya tidak berlaku kerana semua cawangan dibekalkan dengan borang kosong. Terdapat beberapa alasan di mana borang kosong tidak dikeluarkan kepada ejen cukai atau pembayar cukai iaitu:

- (i) Pembayar cukai meminta borang dalam bulan Februari atau Mac sedangkan borang pengeluaran am adalah dalam proses penghantaran pada waktu tersebut (kecuali pembayar cukai baru).
- (ii) Ejen cukai meminta borang kosong dalam kuantiti yang banyak tanpa memberikan nama pembayar cukai yang diwakilinya.

Walau bagaimanapun, JPH akan menyiasat keadaan sebenar yang berlaku di Cawangan Johor Bahru.

Tindakan : LHDNM (JPH)

2.4 Isu 2. (ii) PDF Return Forms for Back-Logged Cases

The fillable PDF return form will not be issued after 2008. For all backlog cases, the original printed return forms may be obtained from IRB branches and completed manually. The Institutes would like to clarify from IRB, whether PDF return forms, either downloaded from IRB's website or generated from tax software systems, can be used for filing of all backlog cases, so long as they are printed in accordance with specifications as required by the IRB.

LHDNM

Mesyuarat dimaklumkan keputusan daripada Dato' KPE adalah Borang PDF tidak boleh digunakan mulai tahun taksiran 2008 bagi pembayar cukai selain syarikat, koperasi dan badan amanah dan 2009 bagi pembayar cukai syarikat, koperasi dan badan amanah. Pengarah Jabatan Pemprosesan memaklumkan bahawa kualiti imbasan borang PDF telah ditunjuk kepada persatuan akauntan semasa mesyuarat lepas yang diadakan di Pandan Indah. Terdapat Borang PDF yang seolah-olah adalah mengikut spesifikasi tetapi terdapat perbezaan dari segi margin.

Penggunaan borang manual adalah digalakkan / diutamakan kerana tiada masalah imbasan berbanding dengan Borang PDF di mana darjah kejayaan imbasan adalah sangat rendah. Pemprosesan Borang PDF adalah lambat dan terdapat banyak kes tunggakan borang PDF di Pusat Pemprosesan sekarang ini.

Bagaimanapun, penggunaan borang pdf untuk tahun-tahun sebelumnya adalah dibenarkan tetapi perlu mengikut spesifikasi cetakan yang telah dinyatakan.

2.5 Isu 2. (iii) Compound on Non-Filing of Form E for Dormant Company

The Institutes have received many calls from members concerning the IRB recent exercise to issue compound notice to companies for non-compliance of filing Form E for prior years, including dormant companies. This has caused some strong reaction as many tax agents/taxpayers were taken aback and are of the view that they were unnecessarily burdened by the bureaucracy of IRB. Although the Institutes had raised this issue during the last two operations dialogues and the IRB had agreed that if the company is indeed a dormant company, the compound notice will be withdrawn, it has not been minuted.

The Institutes understand that IRB is clearing up the back log cases, but such exercise would take up a lot of time both from the professionals to write to the IRB informing the status of their clients and IRB on reviewing the cases of appeal. In view of the circumstances the Institutes would like to discuss with IRB to find an amicable solution to resolve this matter in the most efficient manner.

2.5.1 Persatuan akauntan ingin mendapatkan penjelasan sama ada borang perlu diisi dan dihantar setiap tahun dalam keadaan berikut:

- (i) Syarikat baru yang masih dormant serta tiada pekerja. Walau bagaimanapun, No. E telah dijana secara automatik semasa pendaftaran No. rujukan C.
- (ii) Syarikat telah lama dormant dan tiada pekerja serta tidak pernah terima dan hantar Borang E
- (iii) Syarikat telah mula beroperasi tetapi tiada pekerja

2.5.2 Persatuan akauntan juga inginkan kepastian sama ada:

- (i) Syarikat dormant yang telah menerima notis kompaun hanya perlu memaklumkan cawangan LHDNM melalui surat atau memerlukan bukti lain dan tidak perlu mengisi Borang E setiap tahun.
- (ii) Syarikat dormant yang menerima Borang E perlu menghantar surat makluman, isi Borang E dan tandatangan tetapi tiada sebarang maklumat.

2.5.3 Persatuan akauntan juga mendakwa bahawa terdapat kes di mana ejen cukai telah membalas surat LHDNM dengan memberi maklumat bahawa syarikat tersebut adalah dormant tetapi LHDNM masih menghantar Borang E beberapa tahun untuk diisi.

2.5.4 Dr. Veerinderjeet menyarankan agar surat peringatan dikeluarkan terlebih dahulu sebelum surat tawaran kompaun.

2.5.5 Pengarah JPH memaklumkan bahawa ayat pada surat tawaran kompaun adalah mengikut perundangan. Beliau juga berpendapat ayat tersebut adalah agak 'keras' dan dalam persetujuan/pertimbangan Dato' KPE untuk membuat pindaan.

- 2.5.6 LHDNM memaklumkan surat tawaran kompaun hanya dikeluarkan bagi kes di mana Borang E telah dikeluarkan tetapi tidak dikembalikan oleh pembayar cukai sehingga bulan September 2008.
- 2.5.7 Pada kebiasaannya LHDNM akan menerima alasan bahawa syarikat adalah dormant walaupun melalui surat sahaja. Kemungkinan terdapat cawangan LHDNM yang meminta dokumen tambahan kerana tidak pasti sama ada syarikat tersebut betul-betul dormant atau tidak.
- 2.5.8 Borang E perlu diisi setiap tahun bagi kes-kes kompaun mengikut amalan sekarang. Kes tersebut akan dianggap tertunggak dalam sistem jika tidak berbuat demikian.
- 2.5.9 Mesyuarat memaklumkan bahawa:
- (i) Sekiranya syarikat dormant tidak menerima borang dari LHDNM, ini bermakna status syarikat masih ditandakan 'NR' dalam sistem. Borang E tidak perlu diisi dan dikembalikan ke LHDNM.
 - (ii) Syarikat yang menerima borang perlu mengembalikannya ke Pusat Pemprosesan Pandan Indah walaupun status adalah dormant.
- 2.5.10 Y. Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa kenyataan media berkenaan dengan kes tawaran kompaun telah dikeluarkan pada 4 Disember 2008.
- 2.5.11 Pengarah Jabatan Pemprosesan menyarankan agar menambah ruang "dormant" dalam e-E 2008 jika sempat dan bersesuaian.

Tindakan : LHDNM (JPH/JTM)

- 2.5.12 Mesyuarat dicadangkan dengan beberapa cara untuk mengendalikan kes dormant iaitu:
- (i) Surat makluman syarikat adalah dormant tanpa mengisi Borang E.
 - (ii) Kembalikan Borang E dengan catatan dormant dan tandatangan
 - (iii) Akaun ringkas seperti yang dikehendaki oleh Suruhan Syarikat Malaysia.

Mesyuarat memutuskan arahan pengendalian Borang E akan dikeluarkan kepada semua cawangan berkenaan dengan isu yang dibincangkan tadi dengan secepat yang mungkin. Persatuan akauntan akan dimaklumkan melalui surat berkenaan keputusan yang dibuat.

2.6 Isu 3 Lampiran

Taxpayers/tax agents are informed that they can prepare the working papers in their own format and need not have to complete and file the Helaian Kerja. What about the Lampiran? The Institutes would like to confirm that the same rule applies, i.e. the taxpayers/tax agents can also prepare in Lampiran in their own format.

LHDNM

“Lampiran A1 sehingga B5” dalam Buku Panduan Borang C adalah serupa dengan “Helaian Kerja” bagi Borang B, BE dan lain-lain. Oleh itu pembayar cukai adalah dibenarkan untuk menyedia kertas kerja mengikut format masing-masing seperti surat kebenaran yang telah dikeluarkan pada 24 Oktober 2008.

Walau bagaimanapun, “Lampiran Tambahan” yang merupakan sebahagian daripada borang perlu disediakan mengikut format yang ditetapkan. Contoh lampiran tambahan yang perlu disediakan ialah:

- (i) maklumat isteri sekiranya melebihi seorang***
- (ii) pendapatan tahun kebelakangan***
- (iii) pendapatan perniagaan sekiranya melebihi satu bagi kes perkongsian.***
- (iv) Maklumat ahli kongsi sekiranya melebihi 8.***

2.7 Isu 4. Tax Return Forms

(i) Tax Agents Declaration

- (a)** Currently tax agents are required to obtain authorization via Form CP 55 from taxpayers to submit tax return electronically under Section 152A(5)(a). Such approval must of course be obtained prior to the preparation of the tax return. Section 152A(5)(d) requires the tax agent to obtain the taxpayer's signature after submission via e-filing. Instead of moving toward paperless, simple and efficient filing, this has created extra procedures and inefficiencies. The Institutes are of the view that e-filing should not require any 'manual signature' by the taxpayer (or anyone else for that matter), the Digicert of the party submitting the return would be suffice.

In reality, tax agents faced difficulties in obtaining signatures, particularly in the case of expatriates. This is partly due to the frequent travelling (e.g. secondment to other countries, leaving Malaysia permanently, etc.) partly due to the tax return already been filed and taxpayers are reluctant to sign.

- (b)** Taxpayers are required to sign manually on the printed final copies of the tax return forms at the bottom of Akuan Ejen Cukai Untuk e-Filing. This has caused some confusion, in particular, its placement (right after the details of the Tax Agents) is significantly misleading as it appears that the tax agent should sign after making the

declaration although it is indicated that the taxpayer is to sign at the place manually.

The Institutes are of the view that e-filing should not require manual signature and the law should be amended. The tax agents should obtain the approval of tax computation from taxpayers before filing rather than after filing.

Pending the change of law, it is suggested that both the taxpayer's authorisation (Form CP55) and tax agent's declaration under Section 152A(5) be included in the tax return forms and both parties have to sign before submission to reduce duplication. The indication of "draft" in the title bar for printout before submission should be removed.

The preferred solution is tax agents are allowed to obtain the requisite standing authorization (rather than on a yearly basis) by incorporating the wording Form CP 55A into their Letter of Appointment. The indication of "draft" in the title bar for printout before submission should be removed. This will facilitate the work of taxpayers/tax agents in view of their tight schedule. The Institutes are of the view that the authorisation from taxpayers (via CP55), whether annually or otherwise, and the approval of tax submissions, should be left to the tax agents to resolve themselves.

LHDNM

LHDNM akan mengkaji isu ini dan memaklumkan persatuan akauntan kemudian.

2.8 Isu 4. (ii) Finalisation of Tax Return Forms for Year of Assessment 2008

The Institutes would like to enquire the status of the tax return forms for year of assessment 2008. Based on the plan as proposed by the IRB, the professional bodies were to receive from the IRB the final draft tax Forms after incorporating all the 2009 Budget changes before finalising it by 31 October 2008. Thereafter, they will be sent to printer for printing. The return form will then be sent to the taxpayers by 1 December 2008.

It is already December now and the professional bodies have yet to receive the final draft forms. The Institutes are concerned that if we fail to send out the forms on time, coupled with no fillable PDF returns available this year, there will be a heavy burden on the tax agents and IRB to cope with the filing of new return forms. The same difficulties that arose earlier this year may occur in early 2009, then all our efforts during the year will be wasted. The Institutes had hoped that, together with the IRB, we would be working towards launching the e-filing system by January 2009.

LHDNM

Borang manual (kecuali Borang E 2008) telah disediakan dalam bulan Oktober tetapi terlepas pandang untuk dikemukakan kepada persatuan akauntan. Walau bagaimanapun sampel borang yang muktamad telah diterima kini.

2.9 Isu 4. (iii) Draft Borang E for 2008 (Revised)

- (a) Although the Professional Bodies are required to submit written comments after the meeting, the Institutes are of the opinion that minutes of the meeting should be comprehensive in covering all comments made during the meeting. The minutes of the Filing Programme Working Group Meeting 05-2008 (held on 12 September 2008) did not reflect the comments made by the professional bodies.
The Institutes are of the opinion that the details requested in the Form E are redundant. The IRB already has the information in the database.
- (b) The Institutes had submitted a Joint Comment on the Draft Form E (Revised) on 23 September 2008. The Institutes would like to enquire the status of the Form. Does IRB agree to the comments made and amended the Form accordingly?

- 2.9.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa persatuan akauntan tidak bersetuju dengan Bahagian B Borang E 2007 – Maklumat Mengenai Potongan Cukai Di Bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 atas alasan:
- (i) Kesuntukan masa bagi majikan kerana sistem belum sedia untuk memberi maklumat secara bulanan.
 - (ii) Maklumat Bahagian B ini sepatutnya telah sedia ada dalam data LHDNM kerana maklumat yang dikehendaki adalah sama dengan Borang CP39.

Dengan itu, Dato' KPE telah memberi konsesi untuk hanya mengisi jumlah tahunan sahaja bagi Borang E 2007.

- 2.9.2 Borang C.P 8D dimasukkan dalam Borang E 2008 sebagai ganti kepada Bahagian B 2007 atas permintaan persatuan akauntan melalui surat bertarikh 27 Ogos 2008. Draf pindaan Borang E yang memasukkan C.P 8D (versi 10 September 2008) telah diberi kepada persatuan akauntan dalam mesyuarat 13 September 2008.
- 2.9.3 C.P. 8D merupakan ringkasan Borang EA di mana maklumat dalam Borang EA boleh dimasukkan dalam C.P. 8D. Borang EA tidak perlu dihantar ke LHDNM sejak Sistem Taksir Sendiri dilaksanakan. Oleh itu dengan adanya maklumat pada Borang C.P. 8D, diharap maklumat ini akan *pre-populated* dalam sistem e-Filing pada masa akan datang bagi memudahkan pekerja memfail borang.
- 2.9.4 Mesyuarat memutuskan untuk membuat pindaan berdasarkan draf Borang E 2008 yang dikemukakan kepada persatuan akauntan pada 4 Disember 2008 seperti berikut:
- (i) Ruang F – ESOS dan Ruang K – Potongan zakat digugurkan daripada C.P 8D

- (ii) Senarai Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai digugurkan dari Borang EA.
- (iii) Ayat "Butiran lanjut di muka surat sebelah" digugurkan dari Bahagian G Borang EA

2.9.5 Mesyuarat juga memaklumkan senarai Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai adalah sebagai panduan kepada majikan sahaja. Walau bagaimanapun, majikan perlu memberi maklumat lengkap semasa audit.

2.9.6 Jumlah "Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai" dalam borang C.P. 8D adalah sama dengan jumlah dalam Bahagian G Borang EA.

2.9.7 Jumlah ESOS perlu dimasukkan dalam ruangan B1 Borang EA di bawah tajuk perkuisit. Pekerja perlu memberi maklumat lengkap semasa audit memandangkan ruangan ESOS telah dikeluarkan pada Borang C.P. 8D.

2.9.8 Format softcopy Borang C.P. 8D belum diputuskan lagi dan akan disediakan oleh JTM. Wakil penyedia perisian akan dimaklumkan dalam masa yang terdekat.

Tindakan : LHDNM (JTM)

- 2.10** Isu 4. (iii)(c) With effect from year of assessment 2009, director fees are assessable on receipt basis. However, the company will charge to the account and claim a deduction in the year when it is accrued. Should the director fees be reported in the EA Form when it is accrued?

If so, the EA Form will not be a reflection of the chargeable remuneration of the director. This will cause confusion to taxpayers as not all of them are well-versed with taxation law. If not, there will be a mismatch between the amount charged to the company's account and the amount disclosed in the Form E. The Institutes are of the opinion that director fees should not be disclosed in the EA Form in the year it was accrued.

LHDNM

Yuran Pengarah perlu dilaporkan di Borang EA dalam tahun ia diterima.

- 2.11 Isu 5. Proposed Schedular Tax Deductions (STD) Rules/Guidelines**

The Institutes have submitted Joint Comments on the above on 28 October 2008 and would like to enquire the progress of the matter. The Institutes have obtained feedback from members that IRB has begun the road show on the new STD. When the members enquire more details about the STD, they were told to refer to MIT.

The Institutes would like to remind the IRB that the Payroll Service Providers will need to update their Payroll software for the new STD rules. We would like to enquire whether they were given any information or details on the proposed changes. As the new STD rules will be applicable from January 2009 salaries, any further delay in the finalisation will result in implementation problems. The Institutes would suggest that the detailed changes be announced before 20 December 2008 and posted on the IRB website.

LHDNM

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) (KKCP) Pindaan 2008 dan Jadual PCB (Pindaan) 2009 belum diwartakan lagi. Bagaimanapun, sebagai persediaan awal majikan, LHDNM telah mengadakan beberapa siri taklimat kepada cawangan, majikan dan juga penyedia perisian. Logik keperluan program juga telah diberikan. Salah satu daripada penyedia perisian telah membangunkan aplikasi sistemnya dan mendemonstrasikan kepada JTM.

Mesyuarat dimaklumkan sekiranya PCB baru ini tidak dapat dilaksanakan dalam bulan Januari, Dato' KPE secara dasarnya telah bersetuju untuk membenarkan penggunaan Jadual lama selama 3 bulan. Y. Bhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa satu mesyuarat akan diadakan bersama persatuan akauntan dan penyedia perisian pada pertengahan bulan Januari 2009 untuk memaklumkan isu ini.

Tindakan : LHDNM (JPH)

- 2.11.1 Persatuan akauntan membangkitkan isu di mana majikan dikenakan penalti kesalahan pengiraan PCB. Beliau berpendapat LHDNM sepatutnya tidak terus mengenakan penalti tetapi cuma mengeluarkan surat amaran bagi kesalahan pertama. Dicaadangkan agar LHDNM membezakan tahap kesilapan semasa penentuan pengenaan penalti. Kesilapan pengiraan PCB yang bukan disengajakan sepatutnya tidak dikenakan penalti. Sebagai contoh, kesilapan pengiraan PCB ke atas bayaran bonus, yuran pengarah dan elaun yang agak rumit sepatutnya tidak dikenakan penalti. Ada kalanya jumlah penalti lebih tinggi daripada amaun PCB. Majikan hanya merupakan ejen yang membantu untuk mengutip cukai bagi pihak LHDNM.
- 2.11.2 LHDNM memaklumkan bahawa majikan akan mendakwa bahawa setiap kesalahan adalah kesalahan pertama kerana kerani akaun selalu bertukar-tukar. Penalti ke atas kesalahan tidak akan mengambil kira amaun PCB yang sebenar. Kesilapan yang melibatkan PCB terlebih potong tidak akan dikenakan penalti. Jabatan Pematuhan diminta mengumpulkan maklumat mengenai jenis kesilapan yang dijumpai semasa audit dijalankan. Isu ini akan dibincangkan semasa dialog operasi yang dijadualkan pada Februari 2009.

Tindakan : LHDNM (J. Pematuhan)

2.12 Isu 6. Issues on Change Management Procedures and Testing

The issue of Change Management Process is critical. It must be emphasised that the Institutes had previously brought up in great detail, problems with the process and that the IRB had agreed to proper Change Management Process controls during the 6 August 2008 meeting with software providers chaired by Dato' Dr. Shukor and the representatives of Digicert were present.

The Institutes are concerned with the Change Management and Testing issues as raised by some software service providers. This has raised doubts on the consistency between the Testing environment and the Production environment. The service providers need to be updated on all changes made to the e-filing system. Otherwise this may cause similar technological issues that were faced at the beginning of this year. The Institutes would like to suggest that the matters be aggressively pursued so that the tax filing system can be improved and launched by January 2009.

- 2.12.1 En. Keegan mendakwa integrasi sistem perisian percukaian berkomputer kepada sistem e-Filing LHDNM mudah terjejas di mana sedikit pindaan akan menjejaskan sistem yang telah dibangunkan. Daripada mesej yang diterima pada 21 September 2008, beliau dapati sekurang-kurangnya terdapat 3 pindaan bukan setakat kesilapan tetapi dari segi '*business rule changes*'. Beliau mendapati sistem terputus semasa ujian dijalankan, begitu juga sebahagian kerja yang telah dapat dijalankan kadang-kadang tergendala. Beliau telah memaklumkan pasukan IT melalui e-mel dan didapati sebahagian masalah telah diselesaikan tetapi tiada sebarang maklum balas diterima daripada mereka.
- 2.12.2 En. Keegan memaklumkan bahawa sesetengah pindaan ini akan memberi kesan kepada pengguna sistem. Contohnya pada 25 September 2008, dua daripada empat kod bagi potongan dua kali yang salah telah dikeluarkan. Jadi beliau berpendapat perubahan sebegini akan mudah memutuskan/mengganggu proses integrasi.
- 2.12.3 Pengarah JTM memaklumkan sistem akan dipinda jika terdapat kesilapan. Beliau sedar sekarang ini perlu memaklumkan penyedia perisian sebarang pindaan yang dibuat kerana mereka sangat bergantung kepada logik yang disediakan oleh LHDNM.
- 2.12.4 En. Keegan mendapati terdapat perubahan pada cara pembangunan integrasi. Contohnya cara integrasi RK-T dan RK-S adalah berbeza dengan cara integrasi Borang C dan R walaupun nombor ruangan adalah tetap. Ini akan mendatangkan masalah kepada beliau. Beliau mendakwa data skrin dan integrasi yang lengkap tidak dibekalkan.
- 2.12.5 Y. Bhg. Dato' Pengerusi memutuskan bahawa sebarang pindaan perlu memaklumkan penyedia perisian. Beliau juga mengarahkan supaya

mengadakan mesyuarat *IT Subworking Group* pada 30 atau 31 Disember 2008 untuk membincang lebih lanjut berkenaan isu ini.

Tindakan : LHDNM(JTM)

2.13 Isu 7. Form CP 204 - Non-resident Branch/Permanent Establishment Providing Services

Item 3(i)(f) of the minutes of Operations Dialogue held on 23 February 2000, states that withholding tax paid under Section 107A will be allowed to offset tax liability arising from Notice of Instalment Payments. IRB further confirmed (item 5 of the minutes of Operations Dialogue held on 15 April 2002) that where the source of income of a non-resident company is fully subjected to withholding tax, the company is not required to file Form CP204. However, the company shall attach the following documents when submitting Form C :

- (i) Form CP204 previously submitted
- (ii) Letter from the payer that withholding tax has been deducted from the contract payments; and
- (iii) Confirmation from the taxpayer that it has no other source of income.

Item 9.3 of the minutes of Operations Dialogue held on 2 April 2001 confirmed that for nonresident recipients subjected to withholding tax under Sections 109 and 109B, tax return forms would not be issued. This implies that if the non-resident recipients received only income subjected to Sections 109 and 109B, then CP204 is not applicable too.

The Institutes would like to confirm that

- (i) where the source of income of a non-resident branch/permanent establishment is fully subjected to withholding tax, the non-resident is not required to file Form CP204, irrespective of whether the withholding tax is imposed under Section 107A, 109 or 109B.
- (ii) where the source of income of a non-resident branch/permanent establishment is partially subjected to withholding tax, the non-resident is required to file Form CP204. However, the withholding tax paid are allowed to be set-off against the tax instalments payable.

LHDNM

LHDNM akan mengkaji isu ini dan akan dibincangkan dalam dialog operasi.

2.14 Isu 8. Access to e-Tax Records by Taxpayers

The Institutes would like to enquire whether a taxpayer would still be able to access the IRB website to view his e-Tax Records using his personal digicert even though his tax return was submitted by a Tax Agent (through TAeF) on his behalf. This issue had not been addressed by IRB.

LHDNM akan mengkaji isu ini.

Tindakan : LHDNM (JPH)

3. HAL-HAL LAIN

3.1 Pendapatan Kasar Lain-Lain Yang Tertakluk Kepada Subseksyen 4(f)

JPH akan membuat semakan dengan Jabatan Teknikal dan isu ini akan dibincangkan dalam dialog operasi.

Tindakan : LHDNM (JPH)

3.2 Tarikh Pelancaran TAeF

JTM memaklumkan sama ada tarikh pelancaran TAeF yang dijadualkan pada 1 Mac 2009 dapat dipercepatkan atau tidak akan diketahui selepas e-Filing individu dilancarkan pada 15 Januari 2009. Sekiranya kesemuanya berjalan lancar, tarikh Pelancaran TAeF **mungkin** dapat dipercepatkan pada akhir bulan Januari 2009.

3.3 e-PCB

JTM akan memberi format e-PCB kepada En. Keegan hujung minggu ini.

Tindakan : LHDNM (JTM)

3.4 Laporan Audit Meja

Wakil Persatuan Akauntan Johor Bahru memaklumkan bahawa terdapat dakwaan di mana ejen cukai diberitahu tiada apa-apa surat dikeluarkan jika tiada penemuan semasa audit meja. Jabatan Pematuhan memaklumkan bahawa prosedur audit meja dan audit luar adalah sama dan ini telah diterangkan dalam rangka kerja audit. Y. Bhg Dato' Pengerusi menyarankan surat peringatan dikeluarkan untuk memaklumkan cawangan supaya mengeluarkan surat kepada pembayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam rangka kerja audit walaupun tiada penemuan semasa audit meja..

Tindakan : LHDNM (J. Pematuhan)

3.5 Mesyuarat akan datang ditetapkan pada minggu pertama Mac 2009.

4. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menangguhkan mesyuarat pada pukul 12.45 tengah hari dengan ucapan Selamat Hari Natal dan Selamat Tahun Baru.